

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
(MACHANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) di kalangan belia dan nyatakan berapakah jumlah penerima BR1M yang tidak mempunyai pekerjaan tetap dan menganggur.

JAWAPAN

Jumlah penerima penerima BR1M di dalam kategori belia iaitu yang berumur 40 tahun kebawah. Pecahan secara terperinci adalah seperti berikut:

	isi rumah RM3,000 kebawah (RM950)	isi rumah RM3,001 hingga RM4,000 (RM750)	Individu bujang berpendapatan RM2,000 kebawah (RM350)	Keseluruhan
Bilangan	1,150,273	194,995	2,286,126	3,631,394

2. Syarat kelayakan permohonan BR1M tidak mengambil kira maklumat pekerjaan. Justeru, Kementerian Kewangan tidak mempunyai data mengenai pecahan penerima BR1M yang tidak mempunyai pekerjaan tetap dan menganggur.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]**

SOALAN : 26

DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB (MACHANG) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah mekanisme yang telah dirangka oleh Kementerian Pengangkutan bagi mengurangkan kos mengambil ujian dan latihan memandu yang membebankan pelajar dan golongan kurang berkemampuan dan adakah kementerian bercadang untuk membenarkan ujian berkomputer dijalankan secara atas talian tanpa perlu hadir ke pusat ujian berdaftar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada September 2014 telah menetapkan kadar siling bagi memperolehi lesen memandu sebagai langkah kawalan. Melalui kawalan siling tersebut, orang ramai akan dapat membuat pilihan untuk mendapatkan kemudahan latihan di institut-institut memandu yang menawarkan yuran munasabah selain kualiti perkhidmatan yang baik. Kadar siling yang ditetapkan tersebut telah dikaji mengambil kira kadar yang bersesuaian berdasarkan harga pasaran semasa selain komitmen penambahbaikan kurikulum pemandu yang telah dilaksanakan.

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan memantau dan mengambil tindakan ke atas mana-mana institut memandu yang gagal mematuhi kadar siling yang ditetapkan oleh Kerajaan. Selain itu, orang ramai selaku pengguna juga boleh membuat aduan di mana-mana pejabat JPJ sekiranya mereka dikenakan bayaran yang tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan sistem ujian berkomputer yang dilaksanakan pada masa ini, Kerajaan mendapati pengambilan ujian secara berkomputer di pusat-pusat ujian berdaftar sangat berkesan dan menepati keperluan untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai mengambil ujian secara berpusat dan memperolehi keputusan selepas selesai menduduki ujian

berkenaan. Selain itu, pengurusan keselamatan soalan melalui pusat ujian juga mudah dijalankan dan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Oleh itu, pendekatan ujian berkomputer melalui pusat ujian berdaftar akan diteruskan dan ditambahbaik dari semasa ke semasa selaras dengan keperluan teknologi maklumat dan keperluan menghasilkan pemandu yang lebih kompeten dan berhemah.